

Bahagian A

[50 markah]

*Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.*

- 1 (a) Jelaskan tujuan perniagaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 Markah]

- 1 (b) Bagaimanakah undang-undang boleh memberikan kesan positif kepada perniagaan di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 Markah]

- 2 (a) Gambar berikut merujuk kepada sebuah milikan perniagaan



Jelaskan bentuk pemilikan tersebut.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri objektif perniagaan.



Jelaskan P

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 Markah]

- 3 (a) Maklumat di bawah berkaitan Syarikat Bio-Wash Sdn. Bhd.

Syarikat Bio-Wash Sdn Bhd adalah sebuah perniagaan yang mengeluarkan produk pencuci pakaian mesra alam. Syarikat berhasrat meminta bantuan MATRADE untuk meningkatkan jualan dan menembusi pasaran antarabangsa.

- i. Nyatakan **dua** faktor dalaman yang perlu diambil perhatian oleh Syarikat Bio-Wash Sdn. Bhd.

.....

.....

.....

[2 markah]

- ii. Jelaskan peranan MATRADE dalam membantu perniagaan Syarikat Bio-Wash Sdn Bhd.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (b) Gambar di bawah menunjukkan aktiviti yang berlaku dalam satu bahagian fungsian.



Terangkan peranan bahagian fungsian tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Pakar Food Berhad.

Syarikat Pakar Food Berhad merupakan sebuah perniagaan berskala besar. Perniagaan ini menjual pelbagai produk makanan dan minuman untuk pasaran tempatan. Pengurus perniagaan ini ialah Puan Naura Ain. Beberapa jabatan telah disusun dalam perniagaan ini iaitu Cik Umi sebagai pengurus produk biskut, Puan Shida sebagai pengurus produk aiskrim dan Encik Azman bertanggungjawab sepenuhnya terhadap produk minuman.

- i. Lakar dan labelkan carta organisasi Syarikat Pakar Food Berhad.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

- ii. Jelaskan struktur organisasi di 4(a) (i)

.....


.....

.....

.....

[2 Markah]

- 4 (b) Rajah berikut berkaitan dengan sumber teknologi.



Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi M.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

- 5 (a) i. Jelaskan sumber pembiayaan overdraf

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- ii. Jelaskan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya kepada usahawan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

- 5 (b) Jelaskan kepentingan menganalisis operasi kewangan menggunakan penyata pendapatan sesebuah perniagaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

- 6 (a) Jelaskan bagaimanakah bahagian fungsian jualan perniagaan kecil berinteraksi dengan perniagaan besar bagi melancarkan operasi perniagaan.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Rohaya.

Puan Rohaya ingin membuka sebuah kedai menjual barangan kraftangan di Johor Bahru. Beliau bercadang mendapatkan bantuan profesional daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Terangkan bentuk bantuan yang diberikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Sahli, Pengurus Sumber Manusia.

Encik Sahli bertanggungjawab memastikan semua pekerja menghadiri kursus yang dianjurkan oleh SME CORP. Malaysia melalui program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE) secara berkala bagi meningkatkan kemahiran pengendalian perniagaan. Selain itu, bagi mengekalkan prestasi jualan yang menguntungkan, beliau mengingatkan pekerja tentang Indeks Pencapaian Utama (KPI) yang perlu dicapai dalam perniagaan agar pekerja sentiasa bersemangat untuk menjalankan tugas mereka.

Terangkan peranan pengurusan sumber manusia yang dilaksanakan oleh Encik Sahli.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 Markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

- 7 Maklumat berikut merupakan perkembangan perniagaan Samsarina.



Samsarina memiliki sebuah ladang ternakan lembu di Muar, Johor. Hasil daripada ternakan lembu tersebut, Samsarina dapat membuka kilang memproses daging lembu dengan menggajikan seramai 80 orang pekerja tetap dan 20 orang pekerja sambilan bagi menghasilkan makanan sejuk beku seperti daging beku, daging burger, sosej, daging kisar berjenama Sempurna yang telah berjaya dipasarkan ke seluruh Malaysia. Hasilnya jualan tahunan kilang mencapai RM 15 juta setahun. Perancangan tahun hadapan adalah untuk meningkatkan jualan dengan memasarkan ke rantau Asean. Untuk itu Samsarina mengambil tindakan melaksanakan pengelolaan sumber manusia yang berkesan dengan merangka program yang bersesuaian bagi membangunkan perniagaan yang mampan.

- (a) Terangkan saiz dan skala perniagaan Samsarina [6 markah]
- (b) Jelaskan perkembangan perniagaan Samsarina [3 markah]
- (c) Anda bersetuju dengan tindakan Samsarina. Kemukakan alasan anda. [6 markah]

8

Petikan berikut merupakan perniagaan yang dijalankan oleh Puan Zeita.

Puan Zeita merupakan pemilik Perniagaan Zeita Burger yang beroperasi di sekitar Batu Pahat Johor. Setiap hari jumaat Puan Zeita akan mendermakan 200 biji set burger kepada pertubuhan Kebajikan anak-anak yatim Al-Fateh di daerah tersebut. Kebelakangan ini Puan Zeita mendapati terdapat pesaing baharu dalam kawasan perniagaan beliau dan beliau perlu membuat sesuatu keputusan untuk menyelamatkan perniagaannya.



Oleh yang demikian, Puan Zeita bercadang untuk meneroka pasaran baharu untuk memastikan perniagaan beliau terus kekal di pasaran.

(a) Jelaskan perbezaan Perniagaan Puan Zeita dan pertubuhan kebajikan tersebut? [4 markah]

(b) Mengapakah Puan Zeita perlu membuat keputusan tersebut? Jelaskan. [5 markah]

(c) Jelaskan faktor penyumbang yang menggalakkan perniagaan Mc Zarul Burger bersaing dalam perniagaan tersebut? [6 markah]

Maklumat berikut berkaitan penyata kewangan Syarikat Perabot SH Sendirian Berhad.

Peratusan Untung Tokokan	25 %
Peratusan Margin Untung Bersih	17 %
Nisbah Semasa	3.5 : 1
Pusing Ganti Stok	5 kali

Berdasarkan laporan analisis tersebut, pihak pengurusan mendapati bahawa perniagaan yang dijalankan telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Justeru syarikat mengambil keputusan mengubah objektif perniagaan kepada lebih baik. Tambahan pula, syarikat juga memerlukan suntikan dana tambahan bagi mengembangkan lagi perniagaan. Sehubungan itu, pihak pengurusan telah mengambil tindakan untuk memohon pembiayaan daripada agensi kerajaan.

- (a) Terangkan faktor dalaman yang mempengaruhi keputusan syarikat.

[4 markah]

- (b) Jelaskan prestasi syarikat berdasarkan situasi tersebut.

[5 markah]

- (c) Bagaimanakah pihak pengurusan dapat memastikan permohonan tersebut berjaya?

[6 markah]

Bahagian C

[20 markah]


*Soalan ini **wajib** dijawab.*

10

Zara dan Nina mempunyai minat yang mendalam dalam dunia reka fesyen. Mereka membuka sebuah butik di pusat beli-belah yang terkenal di Kulai, Johor dengan nama Butik ZANA Elegan. Butik ini mempunyai pekerja tetap seramai 10 orang dan 4 orang pekerja sambilan. Butik ini menawarkan pelbagai jenis pakaian yang direka khas untuk wanita dan sering mendapat tempahan dari pelanggan seluruh negara.

Setelah setahun beroperasi, Zara mencadangkan agar Butik ZANA Elegan melantik sebuah syarikat perakaunan untuk menyediakan penyata kewangan tahunan. Beliau bimbang sekiranya perakaunan tidak diuruskan dengan baik, perniagaan akan mengalami masalah kewangan dan mereka sukar untuk menilai prestasi perniagaan. Nina bersetuju dengan cadangan Zara dan mereka melantik Syarikat Accoach Sdn Bhd untuk menyediakan penyata kewangan Butik ZANA Elegan. Berdasarkan penyata kewangan yang dihasilkan, Butik Zana Elegan mendapati jualan tahunan yang dicapai ialah RM500,000 dan untung bersih bagi tahun 2023 ialah RM200,000.

Sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan telah mendorong Butik ZANA Elegan menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan seperti berikut:



Bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa, Butik ZANA Elegan menggunakan pelbagai platform digital dalam memasarkan produk. Alternatif ini diambil bagi memastikan objektif yang dirancang tidak mengalami kegagalan.

Baru-baru ini, Majlis Perbandaran Kulai telah mengenakan denda kepada butik ini kerana papan tanda perniagaan yang dipamerkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Butik ZANA Elegan telah diberi notis dan peringatan agar mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Terangkan saiz dan skala perniagaan Butik ZANA Elegan.
[4 markah]
- (b) Mengapakah penyata kewangan penting kepada Butik ZANA Elegan?
[4 markah]
- (c) Jelaskan tujuan Butik ZANA Elegan menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan?
[4 markah]
- (d) Terangkan kesan jika Butik ZANA Elegan gagal mencapai objektif yang ditetapkan.
[4 markah]
- (e) Bagaimanakah Butik ZANA Elegan dapat mengelak dikenakan denda?
[4 markah]

-----KERTAS SOALAN TAMAT-----

SOALAN 7

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

SOALAN 10

[illegible]

This image shows a full page of a handwriting practice worksheet. It consists of multiple rows of horizontal dashed lines spaced evenly down the page, providing a guide for letter height and placement. The background is plain white, and there are no other markings or text present.